



SEMINAR PEMIKIRAN ISLAM PERINGKAT KEBANGSAAN II

(PEMIKIR II)

“Al-Asha`irah dan Cabaran Mutakhir”

KONSEP AHLUSSUNNAH WAL JAMAAH : SATU PENILAIAN

Prof Madya Dr Asmadi Mohamed Naim

20-22 Julai 2010
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya Kuala Lumpur

KONSEP AHLUSSUNNAH WAL JAMAAH : SATU PENILAIAN*

Oleh:

Prof Madya Dr Asmadi Mohamed Naim**

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menjelaskan pengertian Ahlussunnah wal jamaah mengikut tafsiran ulama-ulama muktabar. Ia juga bertujuan menjelaskan beberapa konsep yang dipegang oleh Ahlussunnah wal Jamaah aliran Asha'irah dan Maturidiyyah khususnya berkaitan dengan isu-isu sifat Allah SWT, tawassul, bertabarruk, menziarahi kubur nabi SAW dan lain. Di akhirnya, artikel ini mendedahkan beberapa kontroversi semasa yang dilontarkan oleh beberapa pihak terhadap pegangan umat dalam Ahlussunnah wal Jamaah ini.

1 PENGENALAN:

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa konsep yang kerap menjadi kontroversi kepada pegangan Ahlusunnah wal Jamaah, khususnya yang pengikut-pengikut Imam Abu Hasan al-Ash'ari. Penulisan ini membahaskan isu-isu berikut:

1. Definisi Ahlussunnah wal Jamaah
2. Takwil sifat-sifat Allah SWT.
3. Penambahan dalam Tasauf
4. Tawassul
5. al-Istighasah
6. Tabarruk dengan para orang-orang Soleh ketika mereka hidup
7. Tabarruk dengan para orang-orang soleh setelah mati
8. Menziarahi kubur Nabi SAW

Di akhirnya, artikel ini akan membentangkan beberapa cercaan terhadap aliran Ahlussunnah wal Jamaah oleh fahaman-fahaman yang berlawanan yang

* Kertas kerja ini dibentangkan di dalam Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II, anjuran Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 20-22hb. Julai 2010.

** Penulis ialah Profesor Madya Kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia. Berkelulusan Thanawi Empat al-Azhar (di Pakistan), Sarjanamuda Shariah (*al-fiqh wa al-Tasyri'*) dari University of Jordan, Amman dan Sarjana & PhD (*Fiqh & usul al-fiqh*) dari UIAM.

berterusan menimbulkan fitnah di kalangan umat Islam sekiranya isu ini tidak ditangani secara berhati-hati.

2 DEFINISI

Imam al-Baghdadi (wafat 429H) Rahimahullah mendefinisikan Ahlusunnah wal Jamaah (ASWJ) dengan menyatakan:¹

"Maka golongan yang ke 73 ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu golongan ahl al-ra'y (Ibu Hanifah dan murid-muridnya) dan ahlu al-hadis; bukan mereka yang mempermain-mainkan hadis; dan ulama fekah mereka, penghafal al-Quran mereka, perawi hadis dari mereka, dan mutakallimun ahli hadis di kalangan mereka, semuanya sepakat atas keesaan pencipta, keesaan sifat-sifatNya, keadilanNya, hikmahNya, dan nama-namaNya dan pada bab kenabian dan kepimpinan, hukum hudud, dan pada perkara usuluddin."

Berkata Imam al-Subki Rahimahullah (w771H):²

وهؤلاء الحنفية والشافعية والمالكية وفضلاء الحنابلة في العقائد يد واحدة كلهم على رأي أهل السنة والجماعة يدينون لله تعالى بطريق شيخ أهل السنة أبي الحسن الأشعري وبالجملة: عقيدة الأشعري هي ما تضمنته عقيدة أبي جعفر الطحاوي التي تلقاها علماء المذاهب بالقبول ورضوها عقيدة.

Bererti: Dan mereka iaitu Hanafiyyah, Shafi'iyah, Malikiyyah dan tokoh-tokoh Hanabilah pada aqidah adalah bersatu di atas satu pandangan Ahlussunnah wa al-Jamaan beriman dengan Allah Taala atas jalan Sheikh Ahlussunnah Abu Hasan al-Ash'ari..... secara umumnya aqidah al-Ash'ari ialah aqidah yang terkandung dalam aqidah Abu Jaafar al-Tahawi yang diterima oleh ulama-ulama mazhab dan redha secagai aqidah.

Berkata juga al-'Allamah Ibn Abidin Rahimahullah (w1252H) :³

¹ Al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad (2005). *Al-Farq baina al-firaq*. Beirut: Dar al-kutub al-'ilmiyyah. h19.

² Al-Subki, Abu Nasr Abdul Wahhab bin Ali bin Abd al-Kafi (t.t). *Tabaqat al-Shafi'iyah al-kubra*. Kaherah: Dar ihya' al-kutub al-'arabiyyah, j3, h365-369.

³ Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (1995). *Hashiah radd al-mukhtar*. Beirut: Dar al-fikr. j1, h52.

قوله (عن معتقدنا) أي عما نعتقد من غير المسائل الفرعية مما يجب اعتقاده على كل مكلف بلا تقليد أحد، وهو ما عليه أهل السنة والجماعة وهم الأشاعرة والماتريدية، وهم متوافقون إلا في مسائل يسيرة أرجعها بعضهم إلى الخلاف اللفظي كما بين في محله.

Bererti: Iaitu pada apa yang kami beriktikad pada bukan masalah-masalah cabang (iaitu pada masalah aqidah), daripada perkara yang wajib beriktikad oleh setiap mukallaf tanpa taklid seseorang, ialah atas jalan ahlussunnah wa al-jamaah, dan mereka ialah al-Asha'rah dan al-maturidiyyah. Dan mereka adalah sama pandangan kecuali pada beberapa perkara kecil yang dirujuk oleh sebahagian mereka sebagai khilaf lafzi sahaja sebagaimana mereka menerangkannya di tempat perbicangannya.

Oleh sebab itu, Imam Muhammad bin Muhammad al-Husaini al-Zubaidi:⁴

إذا اطلق أهل السنة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريدية، قال الخيالي في حاشيته على شرح العقائد: الأشاعرة هم أهل السنة والجماعة، وهذا هو مشهور في ديار خراسان، والعراق، والشام، وأكثر الأقطار وفي ديار ما وراء النهر.

Bermaksud: Apabila diitlaq Ahlussunnah (tanpa di sandarkan dengan apa-apa nama), dikehendakk dengannya al-'Ashairah dan al-Maturidiyyah.

Oleh itu, artikel ini menggunakan istilah *Ahlussunnah wal Jamaah* atau ASWJ untuk membincangkan aliran pemikiran al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah kerana itulah gelaran untuk aliran ini sejak zaman berzaman sebelum cuba 'dirampas' oleh golongan-golongan lain.

⁴ Al-Zubaidi, Muhammad bin Muhammad al-Husaini (t.t). *Ittihaf al-sadat al-muttaqin*. Beirut: Dar al-kutub al-ilmiyah. j2, h8.

3 BEBERAPA KONSEP PEGANGAN ASWJ

3.1 Tafwidh dan Takwil Sifat Allah Swt

Bahagian ini memperkatakan bagaimanakan pegangan dan sikap ulama-ulama Ahlusunnah terhadap isu sifat-sifat Allah SWT.

a. Kata-kata ulama silam berkaitan ayat-ayat mutasyabihat:

i. Tafwidh sifat-sifat Allah SWT:

1. Berkata al-Hafiz al-'Iraqi Rahimahullah (w806H) ketika berkata mengenai 'wajah':⁵.

تكرر ذكر وجه الله تعالى في الكتاب والسنة وللناس في ذلك مذهبان مشهوران: أحدهما: إمرارها كما جاءت من غير كيف فنؤمن بها ونكل علمها إلى عاملها مع الجزم بأن الله ليس كمثلته شيء وأن صفاته لا تشبه صفات المخلوقين، وثانيهما: تأويلها على ما يليق بذاته الكريمة فالمراد بالوجه الموجود قال الأستاذ علي جمعة: يقصد بالناس ((أهل الحق)).

Bermaksud: Berulang menyebut 'wajhullah' dalam al-Kitab dan al-Sunnah. Pada orang ramai (ahlul al-haq) mengenainya terdapat dua mazhab yang masyhur:

***Pertama:** Lalukannya sebagaimana dia datang tanpa kaif, maka kami beriman dengannya, menyerahkan rahsianya kepada pemberitahunya, beserta jazam (tanpa ada keraguan) bahasanya Allah SWT 'laisa kamithlihi syai', dan sesungguhnya sifat-sifat-Nya tidak menyerupai sifat-sifat makhluk.*

***Keduanya,** mentakwilnya dengan apa yang layak dengan ZatNya yang mulia, dan dikehendaki dengan wajhun itu ialah al-maujud.*

⁵ Al-Iraqi, Abu Fadhl Abd al-Rahim al-Husain (2000). *Tarh al-tathrib fi sharh al-taqrib*. Beirut: Dar al-kutub al-'ilmiyyah. j3, h. 103.

2. Berkata Ibn Qudamah al-Maqdisi:⁶

وكل ما جاء في القرآن أو صح عن المصطفى عليه السلام من صفات الرحمن
وجب الإيمان به، وتلقيه بالتسليم والقبول، وترك التعرض له بالرد والتأويل،
والتشبيه، والتمثيل، وما أشكل من ذلك وجب إثباته لفظاً، وترك التعرض
لمعناه، ونرد علمه إلى قائله، ونجعل عهده على ناقله اتباعاً لطريق الراسخين في
العلم الذين أثنى الله عليهم في كتابه المبين بقوله سبحانه وتعالى: ﴿والرأسخون
في العلم يقولون ءامننا به كل من عند ربنا﴾

Bermaksud: Setiap apa yang datang dari al-Quran atau apa-apa yang sah dari Mustafa Alaihissalam mengenai sifat-sifat al-Rahman, wajib beriman dengannya, dan patuh tunduk dan terima. Hendaklah meninggalkan menolak atau mentakwilnya; mentasybih dan mendatangkan contoh. Apa-apa yang memusykilkan dari perkara tersebut, wajib menetapkan lafaznya dan meninggalkan memberi makna padanya dan kita kembalikan rahsianya kepada pengatannya, dan kami menjadikan pengakuannya di atas pembawanya sebagai mengikut jalan-jalan orang-orang al-rasikhin fi al-'ilm yang berkata: kami beriman dengannya setiap apa dari tuhan kami.

3. Kata Imam Malik Rahimahullah sebagaimana diriwayatkan oleh al-Hafiz al-Zahabi dalam *Siyar a'lam al-nubala'*:⁷

قال الإمام مالك في أحاديث الصفات: أمرها كما جاءت بلا تفسير

Bermaksud: Berkata Imam Malik pada hadis-hadis sifat: melakukannya sebagaimana ia datang tanpa tafsir.

4. Kata-kata al-Hafiz al-Zahabi Rahimahullah (w748H):⁸

⁶ Ibn Qudamah al-Maqdisi, *Lum'ah ali'tiqad al-hadi ila sabil al-rashad*, h5-8. Di petik dari Kitab al-bayan oleh Sheikh Ali Jumaah.

⁷ Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad (1994). *Siyar a'lam al-nubala'*. Beirut: Muassasah al-risalah, j8, h105.

⁸ Al-Zahabi, j8, h105

فقولنا في ذلك وبابه: الإقرار، والإقرار، وتفويض معناه إلى قائله الصادق المعصوم.

Bermaksud: kami katakan pada perkara tersebut dan babnya: Meyakininya, lalukannya dan menyerahkan (tafwidh) maknanya kepada Pengatannya Yang Benar dan Maksum.

5. Kata-kata Ibn Daqiq al-'Id pada masalah aqidah:⁹

نقول في الصفات المشككة إنها حق وصدق على المعنى الذي أرادته الله، ومن تأول نظرنا فإن كان تأويله قريبا على مقتضى لسان العرب لم ننكر عليه، وإن كان بعيدا توقفنا عنه ورجعنا إلى التصديق والتنزيه.

Kami berpandangan pada sifat-sifat yang pelbagai ini, sesungguhnya ia benar dan membenarkan makna yang dikehendaki Allah SWT, sesiapa yang mentakwil, kami akan kaji, sekiranya takwilnya dekat dengan penggunaan bahasa Arab, kami tidak membantah. Namun sekiranya jauh takwilannya, kami bertawaquf darinya (tidak mengiakannya) dan kami kembali pada menyakini dan mengesakan.

b. Apakah benar salaf tidak langsung mentakwil ayat-ayat sifat?

Antara contoh yang biasa disebut oleh ulama:

1. Takwil Ibn Abbas RA terhadap ayat 47, Surah al-Dzariyat sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Tabari (wafat:310H):¹⁰

قوله تعالى: والسماء بيناها بأيد وإنا لموسعون

حدثني علي، قال: ثنا أبو صالح، قال: ثنى معاوية، عن علي، عن ابن عباس،

قوله: {والسماء بيناها بأيد} يقول: بقوة.

⁹ Ibn Hajar, Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Hajar al-'Asqalani (t.t). *Fath al-Bari*, Beirut: Dar ihya` al-turath al-'arabi. j13, h327.

¹⁰ al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad bin Jarir (2005). *Tafsir al-tabari*, Beirut: Dar al-kutub al-'ilmiah, j11, h472.

.....عن مجاهد، قوله { بأيد } قال: بقوة.

Bermaksud: Berkata kepada kami Ali, berkata: berkata kepada kami Abu Saleh, berkata: berkata kepadaku Muawiah, dari Ali, dari Ibn Abbas, katanya: {والسماء بنيناها بأيد} berkata: dengan kekuasaan.

Dari Mujahid: Dengan kekuasaan.

2. Takwil al-Imam al-Bukhari mengenai makna *al-dhahak* (الضحك)

Imam al-Baihaqi (wafat 456) menuliskan riwayatnya mengenai takwilan Imam al-Bukhari:¹¹

معنى الضحك الرحمة

Bermaksud: Makna al-dhahak ialah rahmat.

3. Imam al-Tabari memberikan dua tafsiran iaitu tafwidh dan takwil secara serentak:¹²

وفي قوله: { يد الله فوق أيديهم } وجهان في التأويل: أحدهما: يد الله فوق أيديهم عند البيعة، لأنهم كانوا يبايعون الله ببيعتهم نبيه صلى الله عليه وسلم، والآخر: قوة الله فوق قوتهم في نصرته رسوله صلى الله عليه وسلم، لأنهم إنما بايعوا رسول الله صلى الله عليه وسلم على نصرته على العدو.

Pada firman-Nya: {يد الله فوق أيديهم} terdapat dua bentuk takwil.

Pertamanya, tangan Allah di atas tangan-tangan mereka ketika bai'ah kerana mereka ketika itu berbai'ah kepada Allah apabila mereka berbai'ah dengan Nabi-Nya SAW.

Keduanya: Kekuasaan Allah di atas kekuasaan mereka pada membela Rasul-Nya SAW kerana mereka berbai'ah dengan Rasulullah SAW untuk membelanya berhadapan dengan musuh.

¹¹ al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husain bin Ali (t.t). *Kitab al-asma' wa al-sifat*, Kaherah: al-Maktabah al-azhariyyah li al-turath, h433.

¹² al-Tabari, j11, h338.

Nukilan-nukilan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa para Salaf mentafwidh sifat-sifat yang disandarkan kepada Allah SWT. Namun begitu, pentakwilan pada sebahagian sifat adalah dibenarkan dan bersifat minimum dan ia tidak membawa kepada *ta'til* (menafikan sifat-sifat Allah SWT).

Tafwidh yang dimaksudkan ialah mengithbatkan (menetapkan) lafaz sifat tanpa memberikan maknanya sebagaimana kata al-Zahabi *Meyakininya, lalukannya dan menyerahkan (tafwidh) maknanya kepada Pengatannya Yang Benar dan Maksum.*

c. Ulasan ulama ASWJ semasa:

Penulisan ini cuba menelusuri pandangan sarjana-sarjana Islam semasa ASWJ mengenai perbahasan sifat-sifat Allah.

Berkata Prof Dr Ali Jum'ah¹³:

مذهب أهل السنة والجماعة – الأشاعرة والماتريدية- مذهب واضح في جميع أبواب علم التوحيد، ولكن أكثر ما ينكره من جهلوا حقيقة المذهب مسألة في الإيمان بالله، وهي تتعلق ب((الإضافات إلى الله))، أو ما يسمى ب((الصفات الخبرية)).

Mazhab Ahlussunnah wal jamaah – al-Asha'irah dan al-maturidiyyah- adalah mazhab yang jelas pada keseluruhan bab-bab tauhid. Namun banyak orang-orang yang mengingkarinya ialah orang-orang yang jahil terhadap mazhab tersebut yang sebenar pada masalah Iman kepada Allah , dan ia berkaitan dengan al-idafat (sifat-sifat sandaran) kepada Allah, atau apa yang dinamakan sebagai 'sifat-sifat khabariyyah'.

ونشأ هذا بسبب أن بعض الألفاظ الواردة في القرآن، والتي أضافها الله له في كتابه العزيز يريد بعضهم أن يثبتها على الحقيقة اللغوية مما يلزم منه تشبيه

¹³ Ali Jum'ah (2005). *al-Bayan lima yashghul al-Azhan*. Kaherah: al-Maqatam li al-nasyr wa al-tauzi', h 140.

الخالق سبحانه وتعالى بخلقه، وأما أهل الحق فأروا أن هذه الألفاظ لا نتعرض
لمعناها لأنها من قبيل المتشابه.

Timbulnya perkara ini disebabkan sebahagian lafaz-lafaz yang diriwayatkan dalam al-Quran, yang mana telah Allah SWT sandarkan ianya pada diri-Nya dalam kitab-Nya yang mulia, sebahagian mereka mahu menetapkan maknanya berdasarkan makna sebenar (makna literal) yang melazimkan menyerupakan al-Khaliq (Allah SWT) dengan makhluknya. Manakala golongan Haq berpandangan bahawa lafaz-lafaz ini kita tidak perlu memperbahaskan maknanya kerana ia adalah terdiri dari al-mutasyabih.

فهم يرون أن هذه الإضافات أو الصفات الخبرية لم تثبت لله من جهة العقل،
وإنما ثبتت بالخبر، فطريقهم فيها هو أن هذه الألفاظ المضافة لله، أو الصفات
المخبر بها، يسلم بها ترم كما جاءت دون أن يعتقد حقيقة مدلولاتها اللغوية،
فلا يقولون نثبتها على المعنى اللغوي الحقيقي لها؛ إذ ظاهر الألفاظ يدل على
حقائق معانيها معروفة في اللغة، وهذه الحقائق اللغوية تتنافى مع تنزيه الباري
سبحانه وتعالى، وعلى هذا درج المتقدمون من أهل السنة والجماعة، والذين
عرفوا فيما بعد بـ((الأشاعرة)).

Maka mereka berpandangan bahawa idafat (sandaran) ini atau sifat-sifat khabariyyah tidak ditetapkan secara aqal, tetapi ditetapkan dengan khabar (al-Quran dan al-sunnah), maka jalan mereka pada perkara ini ialah lafaz-lafaz idafat ini, atau sifat-sifat yang dihabarkan ini, diperakui, dilalukan ianya sebagaimana ia diturunkan tanpa berpegang kepada ertinya secara literal (makna zahir bahasa), maka mereka tidak mengatakan: Kami menetapkannya berdasarkan makna bahasanya yang hakiki, iaitu zahir lafaz-lafaz ini menunjukkan kepada makna hakiki yang diketahui disudut bahasa, dan makna hakiki ini bertentangan dengan pengesaan Allah SWT. Di atas jalan ini berjalannya ulama mutaqqdimun dari ahlusunnah wal jamaah yang dikenali selepasnya dengan nama Asha'irah.

ومتأخروهم سلكوا مسلك التأويل، حين رأوا أن الإثبات على طريقة المشبهة، أفضى عند بعضهم إلى القول بالجسمية ولوازمها، والمتقدمون من أهل السنة والمتأخرون كلهم متفقون على الإمرار وعدم التعرض للفظه بالنفي، وكذلك عدم اعتقاد حقيقتها اللغوية التي من شأنها تشبيه الرب سبحانه وتعالى بخلقه، ولكن زاد المتأخرون بأن هذه الألفاظ لا يجوز أن يفهم منها إلا ما يليق بالله، فكأنهم يقولون للخصم: إذا صممت أن تتكلم عن معنى لهذه الصفات؛ فقل أي معنى إلا المعنى الذي ينقص من قدر الرب ويشبهه بخلقه، فقالوا: أيها الخصم قل: عين الله تعني رعايته وعنايته، كما في قوله تعالى: ((لتصنع على عيني))، ولكن إياك أن تقول: إنها جارحة؛ ولذا يصلح أن نقول إن مذهب السلف اعتقاد، ومذهب الخلف مذهب مناظرة.

Dan ulama mutaakhhir mereka mengambil jalan takwil, apabila mereka melihat bahawa menetapkan sifat-sifat atas jalan musyabbihah, menyebabkan sesetengah orang terjerumus mengatakan sifat-sifat jasad dan yang berkaitan dengannya. Ulama mutaqqaddimun ahli sunnah dan ulama mutaakhhir semuanya sepakat untuk 'lalukan' dan tidak menuju ke arah menafikan lafaz tersebut, demikian juga tidak berikhtiqd dengan makna hakikat bahasa semata-mata yang boleh menyebabkan menyerupakan al-Rabb SWT dengan makhluk, namun ulama mutaakhhir menambah bahawa lafaz-lafaz ini tidak boleh difahami daripadanya kecuali secara yang layak bagi Allah SWT, seolah-olah mereka berkata terhadap penentang mereka: Sekiranya kamu berkeras untuk memperkatakan tentang makna lafaz-lafaz ini, maka makna yang mana, kecuali makna yang mengurangkan kekuasaan Allah dan menyerupakan Allah dengan makhluknya, maka katakanlah wahai penentang: Katakan: mata Allah bermaksud jagaan-Nya atau inayah-Nya, sebagaimana pada firman Allah Taala: ((لتصنع على عيني)). Tapi jangan kamu katakana: Sesungguhnya ia adalah anggota. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa mazhab al-Salaf ialah mazhab iktikad, dan mazhab al-khalaf ialah mazhab perdebatan.

Antaranya ialah Prof Dr Wahbah Zuhayli yang menggunakan uslub ini dalam kitabnya *al-Bida' al-Munkarah*:¹⁴

مذهب السلف: إثبات صفات الباري بمعان تليق بذاته تعالى، فنؤمن بأسماء الله وصفاته الحسنى على مراد الله، مفوضين كيفيتها إلى الله تعالى. مذهب الخلف: تأويل هذه الصفات بحسب ما يليق بكماله تعالى، وهذا أوفق وأحكم عقلا.

Mazhab al-Salaf: Mengithbatkan sifat al-Bari (Allah SWT) dengan makna yang layak dengan Zat-Nya Taala, maka kita beriman dengan nama-nama Allah dan sifat-sifat al-husna tersebut mengikut kehendak Allah SWT. Dan tafwidhkan (serahkan) bagaimana (kaifah) kepada Allah SWT.

Mazhab al-Khalaf: Mentakwilkan sifat-sifat ini mengikut apa yang layak untuk kesempurnaan Allah SWT, dan ini lebih benar dan lebih tetap secara aqalnya.

والفريقان متفقان على تنزيه الله تعالى عن مشابحة الحوادث، أو عن التشبيه والكيف والتجسيم. والمذهب الحق: إنما هو التوحيد، دون التشبيه والتجسيم، فلا مبالغة في التأويل، لأن ذلك يؤدي إلى التعطيل، ولا مبالغة في الإثبات الظاهري، لأن ذلك يؤدي إلى التجسيم. والتوسط في ذلك: هو إقرار الصفة، مع إعتقادنا أن لها تأويلا استأثر الله بعلمه مع تنزيه اعتقادنا عن التشبيه والتعطيل، وهذا هو مذهب السلف، فيصير الخلاف لفظيا.

Kedua-dua kumpulan bersepakat pada mensucikan Allah SWT dari menyerupai makhluk, atau dari tasybih, atau dari al-kaif dan dari tajsim: Mazhab yang haq ialah bertauhid tanpa tasybih dan tajsim. Tidak berlebih-lebihan pada takwil, kerana ia boleh membawa kepada ta'til, dan tidak berlebih-lebihan pada menetapkan makna zahir, kerana ia boleh membawa kepada tajsim. Dan pertengahan pada perkara tersebut ialah mengiqrarkan sifat dengan berkeyakinan padanya hanya Allah sahaja yang mengetahui berserta mensucikan keyakinan kita dari

¹⁴ Al-Zuhayli, Wahbah (1999), h.23-24.

tasybih dan ta'til. Maka inilah mazhab al-Salaf, maka jadilah khilaf (dengan khalaf) secara lafzi sahaja.

Kata-kata Prof. Dr Ali Jumaah menjelaskan lagi maksud 'tafwidh' iaitu menetapkannya secara lafaz semata, tanpa memberikan al-ma'na al-lughawi al-hissi (makna bahasa secara makna biasa) kerana menetapkan makna *al-hissi* termasuk menyerupakan Allah SWT dengan makhluk.

3.2 Penambahan dalam Tasauf (دخائل في التصوف)

Al-Baghdadi menjelaskan mengenai golongan ini sebagai sebahagian dari ahlussunnah:¹⁵

Golongan ke enam ialah, antaranya ialah para ahli zuhud sufi yang mempunyai ilmu maka jauh pandangan, yang telah dinilai maka ia diiktibarkan, mereka redha dengan hidup yang ringkas, mereka mengatahui bahawa penglihatan, pendengaran dan hati dipertanggungjawabkan terhadap kebaikan dan kejahatan; menghisab dengan neraca zarah-zarah, justeru menyediakan diri mereka dengan sebaik-baik perisapan untuk hari Kiamat. Perkataan mereka berjalan di atas dua jalan iaitu secara jelas dan isyarat di atas jalan ahli hadis, tanpa mereka 'membeli' pandangan yang mempermainkan hadis. Mereka tidak melakukan kebaikan kerana riak, tidak pula meninggalkan kebaikan kerana malu kepada orang lain. Agama mereka hanya satu dan menafikan 'pentasybihan' (menyerupakan Allah dengan makhluk), mazhab mereka ialah tafwidh (menyerahkannya) kepada Allah SWT, bertawakkal kepadanya, penyerahan kepada-Nya, tenang dengan apa yang direzekikan-Nya.

Dr Wahbah menjelaskan mengenai tasauf yang haq:

والمتصوفة المخلصون يعنون بذكر الله سرا وجهرا، ولا مانع من ذلك لأن علماء الإسلام قرروا أفضلية الجهر بالذكر إذا خلا من الرياء، أو إيذاء مصل أو قارئ أو نائم.

Orang-orang Tasauf yang ikhlas mementingkan zikrullah sama ada secara senyap mahupun jahar. Tidak ada halangan pada perkara tersebut kerana para ulama Islam menetapkan kelebihan

¹⁵ Al-Baghdadi, h240-243

zikir secara al-jahr sekiranya tiada riyak. Atau mengacau orang yang bersolat, atau orang yang tidur.

فإن التزم المتصوفة ما جاء في القرآن والسنة، فلا اعتراض عليهم، وأما إن تغالى بعضهم، فقال بفكرة وحدة الوجود (أو الحلول والاتحاد) بمعنى أن الله تعالى قد حل في جميع أجزاء الكون، أو بمعنى أن المخلوق عين الخالق، أو استغرق في بعض الشطحات المكفرة بأنه هو الله أو الحق، أو شوه مبدأ التوحيد، أو قال بإسقاط الفرائض، فهذا لا شك ضلال وكفر صريح يخالف عقائد الأمة الإسلامية.

Sekiranya orang tasauf itu beriltizam dengan al-Quran dan sunnah, maka tidak dibantah ke atas mereka. Namun apabila sebahagian mereka berlebih-lebihan (ghuluw), dengan mengatakan wehdah al-wujud (al-hulul atau al-ittihad), iaitu Allah Taala telah menjelma pada setiap bahagian alam ini, atau dengan makna 'makhluq itulah al-khaliq', atau tenggelam dalam sebahagian 'kegelinciran yang menyebabkan kekufuran' seperti 'Dia adalah Allah atau al-haq', atau 'memburukkan pegangan tauhid', atau mengatakan 'diangkat perkara fardhu darinya', maka ini, tanpa ragu-ragu, adalah sesat dan kufur nyata, bertentangan dengan aqidah umat Islam.

3.3 Tabarruk dengan para orang-orang Soleh ketika mereka hidup

Dr Wahbah al-Zuhayli dengan jelas mengatakan: Tidak ada halangan bertabarruk dengan orang soleh dengan meminta doa atau berubat, namun ulama khilaf pada perkara 'bertabarruk' pada 'individu orang-orang soleh (sentuhan dan sebagainya), dan tidaklah ianya dari perkara 'bid'ah munkarah'¹⁶

Berkata Dr Wahbah:

من الثابت أن الصحابة رضوان الله عليهم كانوا يتبركون ويستشقون بآثار النبي صلى الله عليه وسلم من ماء وطعام وشعر ولمس يد ونحو ذلك. وأما بالنسبة لغير الرسول صلى الله عليه وسلم، فلا مانع من التبرك بصالح دعائهم أو الرقية

¹⁶ al-Zuhayli, h. 33.

منهم. ولكن غير ذلك من آثار الصالحين فهو مختلف فيها، فلا يكون من
البدع المنكرة.

Telah thabit bahawa para Sahabat RA adalah mengambil syafaat dari kesan-kesan Nabi SAW sama bekas air minuman, sisa makanan, rambut, menyentuh tangan dan sebagainya. Manakala mengambil berkat dari bukan Rasul SAW, dalam bentuk memohon didoakan oleh mereka, atau meminta ruqyah (berubat) adalah tidak dilarang. Manakala mengambil berkat dari kesan-kesan orang-orang Saleh maka ia adalah khilaf. Tidaklah ianya dari bid'ah yang mungkar.

3.4 Bertawassul dengan Nabi SAW dan orang-orang Saleh

Prof. Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti Hafizahullah menghuraikan isu ini dalam bukunya:¹⁷

Manakala apa yang berkaitan dengan tawassul dengan kemuliaan Rasulullah SAW, atau selain baginda umpamanya orang-orang soleh dan muqarrabin, kita tidak tahu mana-mana perbincangan atau kajian yang sedemikian di kalangan zaman al-salaf dalam tiga kurun awal iaitu zaman yang diberi penyaksian penuh dengan kelebihan/ kemuliaan.

Semua yang ada di hadapan kita ialah apa-apa yang sahih mengenai tajuk ini yang terdiri dari hadith-hadith yang thabit dan sahih mengenai tawassul sahabah dan mengambil berkat mereka dengan peluh Rasulullah, rambutnya dan wudhuknya (air wudhuknya) yang mana ada dalam dua kitab Sahih (Bukhari & Muslim).

Dan hadith Uthman bin Hunaif yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi, Ibn Majah dan Nasaie dengan sanad yang sahih: ((Sesungguhnya seorang lelaki buta mendatangi nabi SAW dan berkata: Berdoalah kepada Allah supaya menyembuhkanku. Sabdanya: Sekiranya kau mahu aku berdoa, dan sekiranya engkau mahu, engkau bolehlah bersabar (dengan kebutaan tersebut & kekal buta), terpulang kepadamu. Berkata: Doakanlah (supaya sembuh). Baginda menyuruhnya supaya berwuduk dan dia berwuduk dengan sempurna dan menyuruhnya berdoa dengan doa ini: Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu dan menghadapMu dengan perantaraan NabiMu nabi yang membawa rahmat,

¹⁷ Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan (1996). *Al-Salafiyah: Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Mazhaba Islam*. Beirut: Dar al-fikr. h.155, 156

sesungguhnya aku (lelaki buta) menghadap kepada tuhanku dengan perantaraanmu (nabi) pada hajatku ini, semoga ditunaikan, Ya Allah kurniakanlah syafaatnya pada diriku”.

Demikian juga yang thabit dalam Kitab al-Sahih yang mana Umar RA bertawassul dengan al-‘Abbas ketika solat al-Istisqa’ dan tiada seorang pun yang membantahnya. (al-Bukhari 2/16).

Yang pentingnya, inilah perbincangan yang sampai kepada kita dari Rasulullah, para Sahabat dan para Salaf mengenai tawassul. Berterusan perkara tersebut sedemikian sehinggalah datang Ibn Taimiyah Rahimahullah (wafat 728) dan beliau membezakan tawassul dengan ambiya’ dan solihin ketika hidup, dan tawassul selepas mati. Beliau mengharuskan pada keadaan yang pertama dan mengharamkan pada keadaan yang kedua. Kita tidak tahu dari mana rujukannya yang kembali pada zaman Salaf. Bahkan kita tidak berjumpa dengan mana-mana perbincangan atau khilaf (perbezaan pandangan Salaf) pada masalah ini (harusnya bertawassul pada kedua-dua keadaan).

Dr Wahbah menekankan bahawa Jumhur ulama membenarkan tawassul dengan Nabi SAW secara umum (ketika hidup dan mati). Berikut adalah kata-katanya:

أجاز الشيخ محمد بن عبد الوهاب في الاستسقاء التوسل بالصالحين، وقال الإمام أحمد: يتوسل بالنبي صلى الله عليه وسلم حيا وميتا، ولكن لا يستغاث بمخلوق، وهو طلب الغوث من شيخ أو ولي، مثل يا محمد أغثنني، يا شيخ عبد القادر الجيلاني أشفني، ونحو ذلك. وأجاز جمهور أهل السنة اتوسل بالنبي صلى الله عليه وسلم. ومنع ابن تيمية الإقسام على الله بذات الرسول صلى الله عليه وسلم، وسوغه في السؤال بذاته أو بأحد الأنبياء. فالمسألة خلافية، لا يصح القول بالتبديع فيها.

Shaykh Muhammad Abdul Wahhab pada masalah al-istisqa’ (minta hujan) membenarkan tawassul dengan orang-orang soleh. Berkata Imam Ahmad: Boleh bertawassul dengan Nabi SAW ketika hidup atau mati, tetapi tidak boleh menyeru dengan makhluk, iaitu memohon bantuan dari shaykh atau wali seperti:

Wahai Muhammad, Bantu aku! Wahai Shaykh Abdul Qadir Jailani sembuhkan aku, dan seumpamanya. Jumah ulama Ahlussunnah membenarkan bertawassul kepada Nabi SAW. Ibn Taimiyyah melarang bertawassul dengan Zat nabi SAW, namun boleh memohon dengan diri nabi SAW (ketika hidup) atau para Nabi. Maka masalah ini adalah masalah khilaf, adalah tidak benar membid'ahkan orang pada perkara ini!

Prof. Dr Abdul Malik al-Sa'di memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai keharusan bertawassul kepada Nabi SAW dan orang-orang soleh samada ketika mereka masih hidup atau telah mati. Tajuk-tajuk tersebut ialah¹⁸:

- i. Tawassul yang disepakati.
- ii. Tawassul dengan al-jah (martabat seseorang di sisi Allah SWT).
- iii. Tawassul dengan diri seseorang yang masih hidup.
- iv. Tawassul dengan seseorang yang telah mati.
- v. Tawassul dengan haq seseorang.

3.5 Menyeru (الاستغاثة بغير الله)

Dr Wahbah Zuhayli berpegang bahawa tidak boleh beristighathat dengan orang yang telah mati atau yang tiada di sisi.¹⁹

Dalam membahaskan perkara ini, Prof Dr. Abdul Malik al-Sa'di, bekas Mufti Iraq mengatakan:²⁰

Bahasanya memohon bantuan (istighathah) dan bantuan daripada orang-orang yang hidup adalah dibolehkan tanpa khilaf, kerana memohon sesuatu yang berbentuk al-madi (boleh dilihat), kebiasaannya orang-orang hidup boleh memberikan bantuan padanya.

Manakala (menyeru) orang mati, mereka tidak boleh memberikan bantuan secara boleh dilihat, maka jadilan bantuan mereka

¹⁸ Al-Sa'di, 45-53.

¹⁹ al-Zuhayli, h. 31-32.

²⁰ Al-Sa'di, Abd al-Malik Abd al-Rahman (2008). *Al-Bid'ah fi al-mafhum al-Islami al-Daqiq*. Karak: Muassasah Ram, h56-58.

berbentuk maknawi (tidak boleh dilihat). Perkara ini memerlukan perinciaan:

i. sekiranya penyeru meyakini atau penyandar bahawasanya wali atau nabi memberi bantuan atau membantu sebagaimana Allah membantu atau menolong, maka jadilah ia sama-sama kufur dan syirik

ii. sekiranya dimaksud dengannya 'mendapatkan syafaat dengannya kepada Allah SWT iaitu ia beriktikad bahawa Allah SWT yang menolongnya dan membantunya sebagai memuliakan wali ini, maka tidak jatuh kufur. Demikian juga sekiranya dia berkata: Aku maksudkan supaya si mati mendoakanku kepada Allah dengan pertolongan dan bantuan.

Walaupun lafaz tersebut tidak jatuh kufur, namun adalah lebih baik menjauhi lafaz-lafaz yang boleh menjatuhkan diri dalam kekufuran dan lainnya. Maka dituntut kepada setiap Muslim memastikan lafaz-lafaz sebutannya nyata dan jauh dari perkara-perkara yang membawa makna yang lain.....

Seterusnya beliau menghuraikan satu soalan sebagaimana berikut:

Soalan: *Adakah diharuskan untukku di sisi kubur orang soleh dan aku berkata:*

'Wahai fulan, doakanlah kepada Allah untukku?', atau

'Mohon minta ampun dari Allah untukku!

Adakah seruan kepada orang mati ini haram atau syirik?

Soalan kamu ini ada tiga perkara:

- i. Seru pada orang mati*
- ii. Meminta dari orang mati*
- iii. Meminta doa dari orang mati*

i. Manakala seru orang sudah mati, tidaklah syirik sebagaimana dipegang oleh sebahagian ulama kerana Sunnah nabi meriwayatkan seru pada orang-orang mati.

(Walaupun begitu) Adalah sesuatu yang salah mengatakan menyeru mayat sebagai doa untuknya kecuali jika ada qarinah

(dalil lain) yang menerangkan ia bermaksud doa, sebagaimana sekiranya seseorang itu berkata setiap kali ia berdiri atau bangun atau setiap amalan yang diamalkan: Ya Ali! Ya Muhammad! Ya Hussain! Ya Abd al-Qadir! Ini doa untuk mereka. Maka perbuatan ini adalah syirik.

Ini berdasarkan kepada beberapa dalil yang membenarkan menyeru orang mati:

a. antaranya, Nabi SAW meletakkan sahabat-sahabat yang terbunuh dalam peperangan Badr dalam al-qalib dan berdiri di depan mereka, dan mula menyeru setiap seorang dari mereka.

b. Antaranya, kita menyeru nabi SAW pada setiap kali solat (السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته).

c. Antaranya, adalah Nabi SAW apabila menziarahi kubur berkata: السلام عليك يا أهل الديار أو دار قوم مؤمنين

Ini juga adalah seruan kepada orang yang telah mati.

d. Antaranya, adalah Ibn Umar menziarahi kubur Nabi SAW dan dua sahabat maka beliau berkata:

السلام عليك يا رسول الله، السلام عليك يا أبا بكر، السلام عليك يا أبي

e. Antaranya, apa-apa yang diriwayatkan dari hadis Usman bin Hunaif mengenai lelaki yang berhajat dengan Sayyidina Usman, dan berkata: Wahai Rasulullah.

ii. Meminta dari orang mati

Iaitu menjadikan orang mati di tempat Allah dan berdoa kepadanya dan mengatakan: berikan aku rezeki, ampunkan aku, jauhkan ujian dariku; iaitu dia memaksudkan dia boleh bertindak sebagaimana Allah Taala, maka ini adalah kufur dan syirik, wal'iyazubillah.

iii. Memohon doa dari si mati.

Adalah memohon doa dari orang lain adalah sesuatu yang warid sebagaimana kita katakan dalam masalah memohon doa dari orang yang hidup. Aku tidak melihat sebarang larangan untuk seseorang memohon dari si mati kerana telah thabit orang mati itu mendengar dan mengetahui orang yang menziarahinya, dan

berkata-kata di alam barzakh- telah benar- bahawa Nabi SAW memohon maaf untuk umatnya dan baginda di kubur baginda. Dan bahawasanya orang-orang mati berkata-kata dan mendengar.

3.6 Menziarahi kubur Nabi SAW dan kubur secara umum.

Dr Wahbah Zuhayli, Dr Abdul Malek al-Sa'di mengatakan masalah ini masalah khilafiah, tidak boleh digelar sebagai bid'ah. Jumhur ulama membenarkan kecuali Ibn Taymiyyah.²¹

Berkata Dr Wahbah:²²

هذه أيضا مسألة خلافية، لا توصف بالتبديع، فقد أجاز جمهور العلماء ما عدا ابن تيمية شد الرحال إلى زيارة قبر النبي صلى الله عليه وسلم. استدل ابن تيمية رحمه الله بأدلة منها: حديث ((لا تشد الرحال إلا إلى ثلاثة مساجد، المسجد الحرام، مسجد هذا، والمسجد الأقصى، ومنها: ((قاتل الله اليهود جعلوا قبور أنبيائهم مساجد))، ومنها: ((اللهم لا تجعل قبري وثنا يعبد)).

Masalah ini adalah masalah khilafiah, dan tidak dikira sebagai bid'ah. Bahawasanya telah mengharuskannya kebanyakan ulama selain Ibn Taimiyyah keharusan bermusafir untuk menziarahi kubur nabi SAW. Ibn Taimiyyah melarang berdasarkan beberapa dalil, antaranya: jangan kamu bermusafir kecuali ke tiga masjid ini iaitu Masjid Haram, Masjidku, dan Masjid al-Aqsa. Antaranya (dalilnya) lagi: Allah memusnahkan Yahudi kerana mereka mengambil kubur-kubur para nabi mereka sebagai masjid. Antaranya lagi: Ya Allah! Jangan jadikan kuburku sebagai berhala disembah.

والجواب: أن زائر قبر النبي صلى الله عليه وسلم لا يتخذ زيارته عبادة، فإن العبادة لله تعالى، وإنما ذلك تعبير عن محبة وولاء ووفاء، وطلب من الله أن يكون هذا النبي شفيعا للزائر يوم القيامة. وقد صح أن بلالا رضي الله عنه قدم من الشام لزيارة قبره صلى الله عليه وسلم.

²¹ Al-Sa'di. h62. al-Zuhayli, 44-46.

²² al-Zuhayli, 44-46.

Jawabnya: Bahawasanya orang yang menziarahi kubur nabi SAW tidak menjadikan ziarahnya sebagai ibadah sebab ibadah hanya untuk Allah SAWT. Sebaliknya ia hanyalah sebagai menifestasi kepada kecintaan, ikutan dan menunaikan janji, dan memohon kepada Allah supaya Nabi ini memberi syafaat kepada penziarah di hari Qiamat. Sesungguhnya telah sah riwayat bahawa Bilal RA datang dari Negeri Sham untuk menziarahi kubur Nabi SAW.

وكان يفعل ذلك علي، وابن عمر، وأبو أيوب الأنصاري وغيرهم من الصحابة،
وعمر بن عبد العزيز رحمه الله. وأجمع الصحابة والتابعون ومن بعدهم على
مشروعية زيارة قبره صلى الله عليه وسلم و الحصر في حديث: ((لا تشد))
إضافي أو نسبي لا حقيقي لإجماع العلماء على جواز شد الرحال للتجارة،
وسائر مطالب الدنيا، ولأداء مناسك الحج، وللجهاد والعلم.

Bahkan telah menziarahi kubur Ali, Ibn Umar, Abu Ayub al-Ansari dan sahabat-sahabat lain, dan Umar bin Abdul Aziz rahimahullah. Telah ijmak para sahabat dan tabiin selepasnya terhadap pencyariatan menziarahi kubur Nabi SAW dan pengkhususan hadis tersebut (لا تشد) adalah idafi, atau nisbi dan bukan hakiki kerana ulama telah ijmak pada harusnya bermusafir untuk berniaga dan atas sebab keperluan keduniaan dan untuk menunaikan haji, jihad dan menuntut ilmu.

3.7 Berdoa secara berjemaah, dan majlis zikir.

Dr Wahbah juga mengatakan:

Tidak boleh mengatakan bid'ah pada zikir berjemaah selepas solat di masjid dan selainnya. Yang haqnya meninggikan suara dengan berzikir dalam keadaan tidak mendatangkan 'kekacauan/keraguan, maka berhalaqah untuk zikir adalah tidak salah.²³

Dr Abdul Malek al-Sa'di membenarkan amalan ini dan memperincikannya beserta hujah-hujah dalam bukunya.²⁴

²³ al-Zuhayli, h.48.

²⁴ Al-Sa'di, h155.

3.8 Qunut solat subuh

Dr Wahbah mengatakan:

Tidak betul mengatakannya 'bid'ah'.²⁵

Bahkan beliau menguat pandangan berqunut pada solat Subuh.

3.9 Mayat mendapat faedah dari bacaan al-Quran

Ulama-ulama ahlusunnah berpandangan mayat mendapat faedah dari bacaan orang lain.²⁶


4 TUDUHAN DAN CERCAAN TERHADAP ALIRAN AHLUSUNNAH WAL JAMAAH ALIRAN ASHA'IRAH DAN MATURIDIYYAH

Pada pengamatan penulis, terdapat isu-isu yang akan berterusan menerjah pemikiran umat. Antara perkara-perkara tersebut.

²⁵ al-Zuhayli, h. 38-39.

²⁶ al-Zuhayli, h. 39-41.

4.1 4.1. Kata Sheikh Muhammad Abd al-Wahhab dalam kitabnya, Kasy al-Syubuhat:



Bermaksud: Fasal Ketiga: Menerangkan peng-esa-an ibadah ialah makna 'La Ilaha Illallah', sesungguhnya orang-orang kafir pada zaman Nabi SAW adalah lebih mengetahui akan maknanya daripada orang-orang yang mendakwa beragama Islam di zaman kita.

Tauhid ialah makna katamu: 'La Ilaha illah'. Adalah 'ilah' pada pandangan mereka (orang-orang kuffar tersebut): Semua perkara yang dimaksudkan untuk perkara-perkara berikut, sama ada malaikat, atau nabi, atau wali, atau pokok, atau kubur, atau jin. Mereka tidak bermaksud (mempertikaikan) bahasawanya Dia (Allah) maha pencipta, pemberi rezeki, pentadbir kerana mereka mengetahui bahawasanya kesemuanya itu untuk Allah semata-mata, sebagaimana aku katakan kepadamu.

Hanyasanya, yang mereka (orang-orang kafir) maksudkan dengan al-ilah: Apa yang dimaksudkan oleh 'para musyrikin' di zaman kita dengan lafaz 'sayyid'. Maka telah datang Nabi SAW kepada mereka (orang-orang Kafir) menyeru kepada kalimah Tauhid.

Perhatikan beberapa pandangan Sheikh Muhammad Abd al-Wahhab"

- i. Mereka tidak bermaksud (mempertikaikan) bahawasanya Dia (Allah) maha pencipta, pemberi rezeki, pentadbir kerana **mereka mengetahui bahawasanya kesemuanya itu untuk Allah semata-mata, sebagaimana aku katakan kepadamu.**
- ii. Hanyasanya, yang mereka (orang-orang kafir) maksudkan dengan al-ilah: **Apa yang dimaksudkan oleh 'para musyrikin' di zaman kita dengan lafaz 'sayyid'.**

Ini yang membawa fitnah iaitu 'menjadikan sesuatu sebagai tuan' itu sama darjat sahaja dengan kuffar. Dilaksanakan fahaman ini pada tawassul, tabarruk dan istighathat.

4.2 4.2 Kata-kata ulama yang menjadi antara rujukan utama aliran Najdiyyin ialah Dr Saleh bin Fauzan dalam kitabnya al-Irsyad Ila Sahih al-I'tiqad:

الإرشاد إلى صحيح الاعتقاد والرد على أهل الشرك والإلحاد ١٩٦

عن نفسه، أو نفاه عنه رسوله من صفات النقص، على حد قول الله تعالى: ﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾^(١).

وهذا القسم قد جحدته الجهمية وتلاميذهم من المعتزلة والأشاعرة، وهو في الحقيقة داخل في توحيد الربوبية، لكن لما كثر منكروه وروجوا الشبه حوله، أفرد بالبحث وجعل قسماً مستقلاً وألفت فيه المؤلفات الكثيرة.

فألف الإمام أحمد رده المشهور على الجهمية، وألف ابنه عبد الله (ت: ٢٩٠) كتاب [السنة]، وألف عبدالعزيز بن يحيى الكناني (ت: ٢٤٠) كتاب [الحيدة] في الرد على بشر المريسي (الهالك: ٢١٨)، وألف أبو عبدالله محمد بن نصر المروزي (ت: ٢٩٤) كتاب [السنة]، وألف عثمان بن سعيد (ت: ٢٨٠) كتاب [الرد على بشر المريسي]، وألف إمام الأئمة: محمد بن خزيمة (ت: ٣١١) [كتاب التوحيد]، وألف غير هؤلاء كشيخ الإسلام ابن تيمية (ت: ٧٢٨) وتلميذه ابن القيم (ت: ٧٥١) هؤلاء ومن جاء بعدهم وسار على نهجهم - فله الحمد والمنة - على بيان الحق ودحض الباطل.

وأول من عرف عنه إنكار الصفات بعض مشركي العرب الذين أنزل الله فيهم قوله: ﴿كَذَلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَمٌ لَبَّتُوا عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ الَّذِينَ أُوحِيَٰنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِالرَّحْمٰنِ﴾^(٢).

(١) سورة الشورى، الآية ١١.
(٢) سورة الرعد، الآية ٣٠.

Bermaksud: Bahagian ini, telah mengingkarinya (inkari ayat-ayat sifat) firqah al-Jahmiyyah dan anak-anak murid mereka iaitu al-Mu'tazilah dan Asha'irah.

Siapa firqah al-Jahmiyyah? Menurut al-Imam Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi (wafat 429H) mengatakan:²⁷

الجهمية: أتباع جهم بن صفوان الذي قال بالإجبار والاطرار إلى الأعمال،
وأنكر الاستطاعات كلها، وزعم أن الجنة والنار تبيدان وتفنيان.....وزعم
أيضا أن علم الله تعالى حادث، وامتنع من وصف الله تعالى بأنه شيء أو حي
أو عالم، أو مرید.....

Al-Jahmiyyah: Pengikut Jahm bin Safwan yang berpegang kepada manusia tergagah dan terpaksa dalam amaln mereka (tiada upaya) dan mengingkari usaha keseluruhannya, dan mendakwa syurga dan neraka pupus dan hancur.....dan mendakwa juga bahawasanya ilmu Allah SWT baharu, dan dia melarang dari menyifatkan Allah dengan sesuatuK atau hidup, atau berilmu, atau berkehendak....

Justeru, Dr Saleh Fauzan memasukkan Asha'irah dan pengikut ke dalam golongan ini! Lihat apa kata-kata Imam al-Baghdadi terhadap al-Jahmiyyah:

وأكفره أصحابنا في جميع ضلالتة التي ذكرنا- يحمل السلاح على السلطان،
وخرج مع سريج بن الحارث على نصر بن سيار، وقتله سلم بن أحوز المازني في
آخر زمان بني مروان، وأتباعه اليوم بنهاوند، وخرج إليهم في زماننا إسماعيل بن
إبراهيم بن كبوس الشيرازي الديلي، فدعاهم إلى مذهب شيخنا أبي الحسن
الأشعري، فأجابه قوم منهم، وصاروا مع أهل السنة يدا واحدة، والحمد لله
رب العالمين.


Sahabat-sahabat kami mengkafirkannya (Jahm bin Safwan) pada kesemua kesesatan mereka yang kami sebutkan- mereka mengangkat senjata ke atas Sultan- Dia menentang bersama-sama Suraij bin al-Harith terhadap Nasr bin Sayyar. Salim bin Ahwar

²⁷ Al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. (2005) *Al-Farq baina al-firaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. h.158,159.

al-Mazini membunuhnya pada akhir pemerintahan Bani Marwan. Pengikutnya sekarang (zaman al-Baghdadi) di Nahrawand. Telah pergi kepada mereka pada zaman ini, Ismail bin Ibrahim bin Kabus al-Syirazi al-Dili, dan beliau menyeru mereka kepada mazhab Sheikh kami Abu Hassan al-Asy'ari dan telah bersetuju sebahagian mereka dan telah menjadi mereka ahlussunnah dalam satu kesatuan, segala puji bagi Allah.

Jadi, apabila ulama ahlussunnah mengkafirkan al-Jahmiyyah, seolah-olah Asha'irah juga termasuk yang dikafirkan oleh mereka. Walhal Imam al-Baghdadi berkata pula diempat baris terbawah nukilan tersebut: Telah pergi kepada mereka pada zaman ini, Ismail bin Ibrahim bin Kabus al-Syirazi al-Dili, dan beliau menyeru mereka kepada mazhab Sheikh kami Abu Hassan al-Asy'ari dan telah bersetuju sebahagian mereka dan telah menjadi mereka ahlussunnah dalam satu kesatuan, segala puji bagi Allah.

Imam al-Baghdadi dengan jelas mengatakan Sheikhnya adalah al-Imam Abu Hassan al-Asy'ari dan mereka adalah ahlussunnah!



Bahawasanya: Hanyasanya, telah mengingkarinya para pembuat bid'ah daripada al-Jahmiyyah dan al-Mu'tazilah dan al-'Asha'irah yang mana mereka berjalan atas jalan para musyrikin Quraisy Mekah yang kufur terhadap al-Rahman.

Kalau fatwa-fatwa ini dipegang secara taksab, maka terbukti mereka mengklasifikasikan ulama Ahlussunnah yang mengikut penafsiran Asha'irah adalah sesat. Bukan setakat sesat, tapi setaraf dengan para musyrikin.

Selain itu, apabila kita membuka kitab-kitab tabaqat, kita tidak akan berjumpa dengan penulis sejarah ulama-ulama yang menklasifikasikan seseorang sebagai al-Asy'ari al-Jahmi. Namun, Dr Salleh Fauzan telah membuat pengklasifian nyata dengan mengelompokkan Asha'irah dalam firqah yang sesat dan musyrik. Semoga Allah SWT ampunkan dosanya.

4.3 Kata-kata Sheikh Muhammad Salih Uthaimin yang menjadi rujukan aliran Najdiyyin:

لقاء، الباب المفتوح (٨)

بالاطلاق ليسوا من أهل السنة والجماعة؟
لا نطلق ولهذا أنا قلت لك إن من خالف السلف في صفات الله لا يعطى الاسم المطلق بأنه من أهل السنة والجماعة، بل يقيد يقال هو من أهل السنة والجماعة في طريقته الفقهية مثلاً، أما في طريقته البدعية فليس من أهل السنة والجماعة.

س ٣٧٤ الاستدلال على تعميم الرأس بما يتعلق بحرف الباء وأنه مسألة لغوية تتعلق بحرف الباء وهل هو للتبويض أو لا، والاستدلال بقوله تعالى: «عينا يشرب بها عباد الله». وأيضا سمعت بيتا من الشعر العربي لكنني لا أستحضره الآن القائل؟
الجواب: لعله:

شربنا بباء البحر ثم طلبت
إلى لحي لهن لهيج
لا شك أن من حروف المعاني ما يختلف معناه بحسب متعلقه فنجد «من» مثلاً تارة تكون للتبويض

٤٣

لقاء، الباب المفتوح (٨)

من هذا الإشكال الذي أدى إلى تضارب آراء العلماء، الذي نرى أن أهل البدع في بدعهم ليسوا من أهل السنة والجماعة، لأن هذه البدعة ليس عليها أهل السنة والجماعة وكيف يكون من أهل السنة والجماعة وهو مخالف لهم.

وهل مصطلح أهل السنة والجماعة يستعمل للسلفيين أم لا؟

أبداً ما حاجة لذلك، لأن أهل السنة والجماعة حقيقة هم من كانوا على ما كان عليه الرسول عليه الصلاة والسلام وأصحابه، ولهذا فسر النبي، عليه أفضل الصلاة والسلام، الفرقة الناجية بأنهم مثل ما كان عليه هو وأصحابه.

كمثال نجعل النووي وابن حجر نجعلهما من غير أهل السنة والجماعة؟
فيما يذهبان إليه في الأسماء والصفات ليسا من أهل السنة والجماعة.

٤٤

Apabila Sheikh Muhammad Salih Uthaimin ditanya adakah al-Nawawi dan Ibn hajar sama ada boleh menjadikan mereka dari golongan Ahlussunnah wal Jamaah? Dia menjawab: *Pada apa yang mereka berpegang pada masalah al-Asma' dan al-Sifat, mereka berdua BUKAN dari Ahlussunnah wal Jamaah!*²⁸

Kenyataan dan fatwa sebegini akan berterusan menjadi fitnah di kalangan umat Islam. Sekiranya Imam besar tersebut dengan mudah dikeluarkan dari golongan Ahlussunnah, apatah lagi Mufti-mufti, tok-tok guru, ustaz-ustaz yang ada di negara kita!

4.4 Rasional boleh menggunakan kekerasan dalam menghapuskan perkara yang 'dikatakan bid'ah'.

Apabila mempertahankan pandangan Sheikh Muhammad Abd al-Wahhab menggunakan kuasa memerangi perkara yang dikatakan 'bid'ah,, seorang penulis berkata:²⁹

Dalam menjelaskan maksud hadith ini (hadith boleh memerangi mereka yang engkar membayar zakat), an-Nawawi rahimahullah memetik kata-kata al-Khattabi RH:

Maksudnya: (Teguran) daripada 'Umar RA ini kerana (dia) bergantung kepada zahir sabda (Nabi SAW) dan sebelum (dia) memerhatikan syarat-syaratnya.

Kemudian al-Nawawi berkata: Maksudnya: Tidak dapat tidak, bersama (ucapan syahadah) ini mesti beriman dengan semua perkara yang di bawa oleh Nabi SAW sebagaimana ia datang dalam riwayat yang lain oleh Abi Hurairah.

Apa yang dapat difahami daripada hadith Abu Malik al-Asyja'ie, kata-kata Abu Bakr dan para ulama di atas ialah, bahawa ucapan syahadah hanya boleh menjamin keselamatan nyawa dan harta sekiranya tidak dilakukan perkara-perkara yang boleh membatalkannya. Sebaliknya jika dilakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan syahadah itu, maka tiada lagi jaminan

²⁸ Muhammad Salih Uthaimin (t.t). *Liq'a' al-Bab al-Maftuh*. (t.t): Dar al-Watan li al-Nasyr. h.42-43.

²⁹ Azwira Abdul Aziz (2006) *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenarnya?.* Johor Bharu: Penerbitan Jahabersa. h.163-165.

keselamatan nyawa dan harta. Tafsiran ini dapat difahami dengan jelas melalui sabda Nabi SAW:

Maksudnya: Maka terselamatlah nyawa dan hartanya melainkan dengan haknya.

Tafsiran para ulama ini dilihat sama dengan pengangan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

Atas keyakinan itulah, beberapa tindakan dilakukan untuk mengaplikasikan menegakkan al-amr bil ma'ruf wa al-nahyu 'an al-munkar pada 'perkara-perkara yang dikatakan bid'ah.

Menurut Muhammad Abdul Qadeer al-Mandeely, pada tahun 1158H, Muhammad Abd al-Wahhab telah pergi ke Dar'iah dan menjadi tetamu bagi Abdul Rahman bin Suwailim dan Ahmad b. Suwailim. Semasa di sana beliau dikunjungi oleh orang ramai untuk mempelajari dan mempelajari ilmu agama darinya. Kemudian beliau telah bersetuju dengan Muhammad b Sa'ud Amir Dar'iah untuk berjuang berjihad di jalan Allah bagi melaksanakan tuntutan 'amar al-ma'ruf dan nahi munkar' serta menegakkan syariat agama Islam.³⁰

Antara tindakannya:³¹

- i. Berusaha keras melarang umat Islam daripada menziarahi Maqam Nabi SAW.
- ii. Melarang orang ramai berselawat ke atas Nabi SAW secara kekerasan.
- iii. Menempelak dan mencaci pendapat imam mazhab yang empat.
- iv. Memusnahkan mimbar-mimbar yang dikhususkan bagi setiap mazhab dan tempat-tempat pengajian di Mekah.
- v. Menghina dan menyesatkan ulama.
- vi. Mengkafirkan ahli Sufi, Tariqat dan Asha'irah.
- vii. Mengkhianati kitab-kitab karangan ulama dengan menokok tambah kandungan kitab yang asal dan membuang mana-mana kandungan yang tidak sesuai dengan prinsip mereka.

³⁰ Abdul Qadeer al-Mandeely (1994), h. 79.

³¹ Muhammad Fuad Kamaluddin, h. 74-97.

Kesimpulannya, aliran ini telah meletakkan 'ijtihad' mereka bahawa 'sesuatu itu bid'ah' setara dan setaraf dengan ijtihad Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq yang memutuskan 'boleh memerangi mereka yang enggan membayar zakat'. Justeru, perkara bid'ah ini perlu juga diperangi secara kekerasan sekiranya mempunyai kekuasaan.

4.5 Perbuatan mengubah kandungan kitab ulama silam.

Sudah kedapatan usaha mengubah kandungan kitab-kitab ulama silam. Perkara ini sudah diperkatakan oleh ramai ilmunan khususnya kitab 'al-Ibanah fi Usul al-Diyanah' karangan Imam Abu Hassan al-'Asy'ari dan banyak kitab-kitab lain. Ini menyebabkan penulis lebih menggemari 'cetakan lama' untuk memastikan perkara tersebut tidak berlaku. Rupa-rupanya 'usaha tadlis dan tasywih' yang berlaku dalam hadith-hadith nabi, berlaku semula dalam kitab-kitab ulama.

Penulis memetik penulisan Sheikh Muhammad Fuad yang berjaya mendokumenkan perkara ini bagi mengelak ianya sebagai tuduhan tanpa asas. Antara petikannya ialah³²:

Sebagai bukti dakwaan ini, guru kami al-Muhaddith al-Musnid Mahmud Sa'id Mamduh menyatakan di dalam kitab Raf'ul Minarah, bahawa sebahagian dari pihak yang tidak bertanggungjawab telah melakukan pengkhianatan terhadap kitab al-Azkar karangan Imam al-Nawawi yang ditahqiq oleh Syeikh Abdul Qadir Arnaut. Mereka telah menyebarkan kitab ini setelah membuang kisah al-'Utbi yang tedapat di dalam cetakan asal. Kitab ini dicetak oleh Percetakan Dar al-Huda di Riyadh pada 1409H.

Mereka telah memadamkan terus kisah al-'Utbi RA yang menceritakan, ketika Imam al-'Utbi sedang duduk di sisi maqam Nabi SAW, maka datang seorang Arab Dusun lalu berkata: Salam sejahtera ke atasmu, wahai Rasulullah SAW! Aku mendengar Allah SWT berfirman:

³² h. 94-100.

ولو أنهم إذ ظلموا أنفسهم جاءوك فاستغفروا الله واستغفر لهم الرسول لوجدوا
الله توابا رحيمًا

Seandainya mereka telah menganiaya diri mereka (membuat dosa), lalu mereka datang kepadamu (Nabi Muhammad SAW) dan memohon keampunan kepada Allah dan Rasul juga memohon keampunan bagi mereka, nescaya mereka akan mendapati Allah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. (al-Nisa': 64).

"Sesungguhnya aku datang kepadamu kerana memohon keampunan daripada segala dosaku, dan mengharapkan syafa'atmu kepada Tuhanku, wahai Rasulullah!"

Setelah itu, dia mendendangkan beberapa bait syair:

يا خيرَ من دُفِنَتْ بالقاعِ أعظْمُهُ ** فطَابَ من طِيَّبِهِنَّ القاعُ والأَكْمُ ** نَفْسِي
الْفِدَاءِ لِقَبْرِ أَنْتَ سَاكِنُهُ ** فِيهِ العِفافُ وفيهِ الجُودُ وَالكَرْمُ

"Wahai penghuni kuburan yang tulang belulangnyanya di tanah yang suci ini, kerana kandungannya yang baik, tanah dan bukitnya juga dipuji-puji; jiwaku bersedia berkorban terhadap siapa yang mendiami kuburan ini. Yang bersifat bersih diri, murah hati lagi dihormati"

Berkata al-'Utbi: "Kemudian orang Arab Dusun tersebut beredar dari situ. Peristiwa tersebut terbawa-bawa dalam tidurku lali aku bermimpi melihat Nabi SAW berkata kepadaku: "Wahai 'Utbi! Dapatkan lelaki itu dan sampaikan berita gembira kepadanya"

Mereka bukan sahaja membuang kisah tersebut, malah telah memasukkan fakta yang diselewengkan daripada fakta asal. Mereka telah menukar fakta asal, sebagaimana yang ditulis oleh Imam Nawawi di dalam kitab al-Azkar dan memasukkan 'Fasal pada menziarahi kubur Nabi SAW.

Syeikh Mahmud Sa'id Mamduh menyatakan, beliau menyangka bahawa pentahqiq kitab iaitu Syeikh Abdul Qadir Arnaut yang telah melakukan penyelewengan. Untuk mendapatkan kepastian, beliau menemui anak Syeikh Abdul Qadir yang bernama Mahmud di Dubai. Tetapi beliau menafikan bahawa penyelewengan

tersebut dilakukan oleh bapanya. Syeikh Abdul Qadir sendiri mengeluarkan surat akuannya menafikan penyelewengan yang tidak dilakukannya. Antara kandungan surat tersebut:

"Penyelewengan yang berlaku di dalam kitab ini bukanlah datang daripada saya selaku Hamba Allah yang Faqir kepada Allah Yang Maha Tinggi lagi Berkuasa. Ia bukan dilakukan oleh pemilik Darul Huda, Ustaz Ahmad al-Nuhas tetapi dilakukan oleh Hal Ehwal Kawalan Percetakan" (Tamat nukilan).

Pada pandangan penulis, bahayanya usaha penipuan ini ialah, hanya mereka yang mempelajari kitab-kitab ulama silam yang mampu mengenal kepalsuan tersebut, namun bagaimana pula masyarakat awam dan mereka yang taksu pada penghujahan aliran ini? Pada saya ini adalah pengkhianatan besar terhadap tamadun ummah dan turathnya!

5 PENUTUP

Ahlussunnah wal Jamaah mempunyai pegangan yang cukup jelas dan kuat terhadap konsep-konsep yang dinyatakan. Hujah-hujah yang dikemukakan adalah bersumberkan sandaran yang sampai ke zaman salaf dan di dokong oleh ulama-ulama dari zaman berzaman.

Walaupun begitu, umat Islam berdepan dengan cabaran 'kejahilan umat' dan kecelaruan 'sarjanawan' apabila pegangan beberapa orang yang 'syaz' cuba dijadikan 'mainstream' masyarakat. Kecelaruan ini semakin bertambah disebabkan cara pendidikan 'tebuk-tebuk tajuk' yang menimpa system pendidikan tinggi di seluruh dunia di samping tawaran biasiswa pihak-pihak yang mahu mengembangkan ajaran dan kefahaman mereka di negara ini. System ini telah mematikan system memahami secara mendalam penulisan ulama berkaitan pemahaman al-Quran dan al-sunnah secara sebenar berdasarkan belajar kitab-kitab dari kulit ke kulit.

Kecelaruan ini bertambah parah apabila 'gelaran-gelaran semasa' seperti doktor, PhD, profesor, professor madya seolah-olah menjadi satu otoriti mutlak untuk menafikan dan menyesatkan ulama-ulama silam seolah-olah Islam pada zaman Rasulullah SAW yang sampai ke kita pada hari ini melalui pimpinan dan penyusunan ulama-ulama yang sesat dan menyesatkan, wal'iyazubillah. Semoga kita

tidak termasuk dalam golongan yang memakan daging ulama, kerana daging mereka adalah beracun!

Akhirnya, marilah kita membentuk diri kita supaya kekal dan berada dalam kumpulan-kumpulan yang terselamat aqidahnya sebagaimana Imam al-Baghdadi Rahimahullah memperincikan lapan kumpulan yang termasuk dalam Ahlussunnah wal Jamaah.³³

- Golongan pertama, mereka yang menguasai ilmu khususnya dalam bab Tauhid (meng-esa-kan Allah) dan kenabian, hukum-hukum wa'ad (khabar gembira) dan wa'id (ancaman siksa), pahala dan balasan, syarat-syarat ijthad, pemerintahan dan kepimpinan. Mereka yang melalui jalan ini ialah ulama Kalam (Tauhid) yang bebas dari fahaman *tasybih* (menyerupakan sifat Allah dengan makhluk) dan bebas dari fahaman *ta'til* (yang menafikan sifat-sifat yang Azali bagi Allah SWT)), dan bebas dari bidaah al-Rafidhah, Khawarij, Jahmiah, Najariah dan seluruh pengikut bidaah dan hawa nafsu.
- Golongan kedua ialah imam-imam fiqh samada kumpulan yang cenderung pada *rakyun* (dalil aqal) atau hadith. Iaitu mereka yang beriktikad (berkeyakinan) pada perkara usuluddin dengan mazhab-mazhab sifat pada Allah dan pada sifat-sifatnya yang azali (membicarakan sifat-sifat Allah SWT sebagaimana sifat 20), dan mereka bebas dari fahaman Qadariah dan Muktazilah; mereka menetapkan melihat Allah Taala dengan mata (di akhirat kelak) dengan mata tanpa *tasybih* (menyerupakan Allah dengan makhluk), tanpa *ta'til* (menafikan sifat-sifat Allah).

Termasuk dalam golongan ini ialah murid-murid kepada Malik, al-Shafie, al-Auza'i, al-Thauri, Abu hanifah, Ibn Abu Laila (wafat148H), sahabat-sahabat Abu Thaur (wafat240H), sahabat-sahabat Ahmad bin Hanbal (wafat241H), ahli al-Zahir, keseluruhan ulama fiqh yang beriktikad dalam bab-bab akal ini dengan prinsip-prinsip Sifat (tauhid yang membahaskan Sifat-sifat Allah). Dan mereka tidak mencampurkannya dengan apa-apa dari ahli bidaah dan hawa nafsu.

³³ Al-Baghdadi, h240-243.

- Golongan ketiga ialah mereka yang menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan periwayatan hadith dan sunnah yang disampaikan oleh Nabi SAW, mereka berupaya membezakan antara sahih dan cacat antaranya, mengetahui sebab-sebab 'al-jarh wa al-ta'dil' (kredibiliti seorang rawi), dan mereka tidak memasukkan ilmu mereka dengan apa-apa dari ahli bidaah dan nafsu yang menyesatkan.
- Golongan ke empat ialah kaum yang menguasai kebanyakan topik-topik sastera Arab, nahu dan saraf. Mereka berada atas jalan pakar bahasa seperti al-Khalil (wafat 175H), Abu 'Amr bin al-'Ala` (wafat 145), Sibawaih (wafat 180H), al-Farra' (wafat 207H), al-Akhfash (wafat 215H), al-Asma'i, al-Mazini (wafat 236H), Abu Ubaid (wafat 224H) dan seluruh imam-imam Nahu samada ulama-ulama Kufah atau Basrah, yang mana mereka tidak mencampurkan ilmu mereka dengan sesuatu dari bidaah al-Qadariah, atau Rafidhah atau Khawarij. Maka sekiranya seseorang itu cenderung ke arah nafsu yang menyesatkan, maka bukanlah ia dari golongan Ahlussunnah walaupun kata-katanya adalah 'hujah' dalam ilmu bahasa dan Nahu.
- Golongan ke lima, antaranya ialah mereka yang menguasai ilmu yang berkaitan dengan jenis-jenis qiraat untuk al-Quran, dan jenis-jenis tafsiran al-Quran, penakwilannya berdasarkan mazhab-mazhab Ahlussunnah, tanpa berpegang dengan takwilan ahli nafsu yang sesat.
- Golongan ke enam ialah, antaranya ialah para ahli zuhud sufi yang mempunyai ilmu maka jauh pandangan, yang telah dinilai maka ia diiktibarkan, mereka redha dengan hidup yang ringkas, mereka mengetahui bahawa penglihatan, pendengaran dan hati dipertanggungjawabkan terhadap kebaikan dan kejahatan; menghisab dengan neraca zarah-zarah, justeru menyediakan diri mereka dengan sebaik-baik perisapan untuk hari Kiamat. Perkataan mereka berjalan di atas dua jalan iaitu secara jelas dan isyarat di atas jalan ahli hadis, tanpa mereka 'membeli' pandangan yang mempermainkan hadis. Mereka tidak melakukan kebaikan kerana riak, tidak pula meninggalkan kebaikan kerana malu kepada orang lain. Agama mereka hanya satu dan menafikan 'pentasybihan' (menyerupakan Allah dengan makhluk), mazhab mereka ialah tafwidh (menyerahkannya) kepada Allah

SWT, bertawakkal kepadanya, penyerahan kepada-Nya, tenang dengan apa yang direzekikan-Nya.

- Golongan ke tujuh ialah, antaranya kaum yang terikat dengan barisan hadapan peperangan dengan orang-orang kafir, berjihad melawan musuh-musuh Islam, mereka menjadi benteng melindungi umat Islam, meninggalkan isteri-isteri mereka dan negara mereka, dan menzahirkan pada barisan hadapan mereka Mazhab ASWJ.
- Golongan ke lapan ialah, antaranya kebanyakan negara-negara yang secara kebiasaannya terdapat syiar ASWJ, bukannya negara yang menzahirkan syiar ahli hawa-nafsu yang sesat.

والله تعالى أعلم بالصواب، وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه
أجمعين، والحمد لله رب العالمين.

الفقير إلى الله،

أسماذي محمد نعيم يوسف

نزىل القدح.

Rujukan:

----- (2007). **Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab Antara Fakta dan Palsu** (Himpunan kertas kerja Seminar Antarabangsa Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab). Shah Alam: Karya Bestari.

_____, (1996). *Prosiding Seminar Aqidah Ahlulsunnah wa al-Jama'ah*. Kajang: Badan Perkhidmatan dan Penerangan Islam (BPPI).

_____, (1994). *Tokoh-Tokoh Islam* (Prosiding Seminar). Kajang: Badan Perkhidmatan dan Penerangan Islam (BPPI).

Abdul Qadeer al-Mandeely (1994). 'Syeikh Muhammad Abd. Wahhab dan dakwahnya' dalam *Tokoh-tokoh mujaddid Islam*. Kajang: Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI).

- Abu Zahrah, Muhammad (1996). *Tarikh al-Mazahib al-Islamiah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.¹
- Al-Zuhayli, Wahbah (1999). *Al-Bida' al-Munkarah*, Damsyik: Dal al-Maktabi.
- Ali Jum'ah (2005). *al-Bayan lima yashghul al-Azhan*. Kaherah: al-Maqatam li al-nasyr wa al-tauzi', h 140.
- Al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. (2005) *Al-Farq baina al-Firaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husain bin Ali (t.t). *Kitab al-asma' wa al-sifat*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah Lil al-Turath, h433.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan (1996). *Al-Salafiyyah: Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Mazhaba Islam*. Beirut: Dar al-fikr.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (1995). *Hashiah radd al-mukhtar*. Beirut: Dar al-fikr. j1, h49.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Hajar al-'Asqalani (t.t). *Fath al-Bari*, Beirut: Dar ihya` al-turath al-'arabi.
- Ibn Humaid al-Hanbali, Muhammad ibn Abdullah al-Najdi (t.t). *al-Suhub al-Wabilah 'ala Daroih al-Hanabilah*. (t.t): Maktabah al-Imam Ahmad.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, *Lum'ah ali'tiqad al-hadi ila sabil al-rashad*, h5-8. Di petik dari Kitab al-Bayan oleh Sheikh Ali Jumaah.
- Al-Iraqi, Abu Fadhl Abd al-Rahim al-Husain (2000). *Tarh al-Tathrib fi sharh al-taqrib*. Beirut: Dar al-kutub al-'ilmiyyah. j3, h. 103.
- Ismail Lutfi Fathoni (2006). *Hakikat Ahli Sunnah wal Jama'ah dan Peranan Ulamaknya*. Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.
- Johari Mat et. all.(2006). *Ahlussunnah wal Jamaah Arus Perdana*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Mohd Asri Zainul Abidin et.all.(2006). *Al-Imam al-Syafie Kegemilangan Ilmu dan Pemikiran (Himpunan Kertas Kerja Seminar)*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Mohd Yaakub bin Mohd Yunus (2006). *Fahaman Wahabi Menular: Satu Analisis Terhadap Dakwaan Yang ditimbulkan oleh Akhbar Utusan*. Johor Bharu: Penerbitan Jahabersa.
- Muhammad bin Abd al-Wahhab (1979). *Ma'a Aqiedatus Salaf Kitabut Tauhid Bersihkan Tauhid Anda Dari Noda Syirik* (diselenggara: Mustafa Al 'Aliem). Surabaya: Penerbit P.T Bina Ilmu.
- Muhammad Fuad Kamaluddin (2004). *Wahhabisme: Dari Neraca Syara'*. Rembau: Madrasah al-Taifiqiah al- Husainiah.

- Muhammad Salih Uthaimin (t.t). *Liqa' al-Bab al-Maftuh*. (t.t): Dar al-Watan li al-Nasyr
- al-Sa'di Dr. Abd al-Malik: *al-Bid'ah fi al-Mafhum al-Islami al-Daqiq* (2008). Karak: Matba'ah al-Azhar.
- Al-Subki, Abu Nasr Abdul Wahhab bin Ali bin Abd al-Kafi (t.t). *Tabaqat al-Shafi'iyah al-kubra*. Kaherah: Dar ihya' al-kutub al-'arabiyyah, j3, h365-369.
- Syed Ahmad bin Syed Zaini Dahlan (2008). *Permata Yang berharga: Hujah Menolak Fahaman al-Wahhabi* (terjemahan Syed Zain bin Husain al-Habshi).
- al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad bin Jarir (2005). *Tafsir al-Tabari*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, j11, h472.
- Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad (1994). *Siyar a'lam al-nubala`*. Beirut: Muassasah al-risalah, j8, h105. .
- Al-Zubaidi, Muhammad bin Muhammad al-Husaini (t.t). *Ittihaf al-sadat al-muttaqin*. Beirut: Dar al-kutub al-ilmiyyah. j2, h8.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2005). *Hukum Bacaan al-Quran untuk Si mati: Adakah Sampai Pahala?* Sungai Merab: Darul Fuqaha Enterprise.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1999). *Al-Bida' al-Munkarah*, Damsyik: Dal al-Maktabi
- Azwira Abdul Aziz (2006) *Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?*. Johor Bharu: Penerbitan Jahabersa.